

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN
HAJI NASARAH [LENGGONG]

SOALAN NO. 406

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan usaha pengambil alihan semula ruang udara Malaysia yang diwakilkan kepada Singapura sejak tahun 1974 dan apakah tindak balas yang diterima oleh Kerajaan daripada Singapura.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan serta kementerian/agensi yang berkaitan telah mewujudkan satu jawatankuasa *High-Level Committee* bersama pihak Singapura bagi tujuan mengambil semula ruang udara yang telah diwakilkan kepada negara Singapura melalui *Operational Letter of Agreement between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departures And Overflights 1974 (OLOA 1974)* sejurus perbincangan antara Menteri Pengangkutan Malaysia dengan rakan sejawat Singapura pada 23 Januari 2019.

2. Jawatankuasa ini kemudiannya dinamakan *Malaysia-Singapore High-Level Committee (HLC) for the Review of Operational Letter of Agreement between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departures And Overflights 1974 (OLOA 1974)* dan dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dan rakan sejawatnya, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan Singapura.

3. HLC telah mengadakan mesyuarat pertama pada 18 Februari 2019 di Putrajaya. Mesyuarat ini membincangkan Terma Rujukan HLC yang antara lain merangkumi bidang kuasa HLC dan fasa pengambilan ruang udara dari Singapura. Mesyuarat kedua yang telah diadakan pada 28 Jun 2019 di Singapura memperincikan lagi Terma Rujukan sedia ada. Semasa kedua-dua mesyuarat tersebut, Malaysia menyatakan pendirian tegas berhubung pengambilalihan ruang udara Malaysia yang diwakilkan kepada Singapura. Ini juga berdasarkan kepada kesediaan Singapura untuk berunding berhubung perkara tersebut sepertimana komitmen pertemuan di antara kedua-dua Menteri Pengangkutan pada 23 Januari 2019 di Singapura dan juga pada 8 April 2019 di Putrajaya.

4. Malaysia telah merancang untuk mengambil semula ruang udara tersebut secara berperingkat mulai tahun 2019 hingga 2023. Dengan itu, Terma Rujukan bagi HLC telah disediakan dan kini dalam perbincangan antara Malaysia dan Singapura bagi mencapai persetujuan bersama agar pengambilan semula ruang udara yang melibatkan pertukaran komunikasi kawalan trafik udara berjalan lancar bagi semua pihak yang terlibat. Kedua-dua pihak telah merancang mesyuarat ketiga diadakan pada Ogos 2019 agar kerja-kerja pengambilan semula ruang udara Fasa 1 dapat dilaksanakan pada penghujung 2019.

Sekian, terima kasih.